

24/10/2000

Piala Perdana 2000 medan uji ekuin Projek Gemilang

Mohd Ali Majid

EUKIN negara, terutama Projek Gemilang 2001 berpeluang mempamer dan menguji keupayaan masing-masing pada Kejohanan Akhir Piala Perdana 2000 yang dijadualkan berlangsung di Padang Polo Bukit Kiara Equestrian & Country Resort, Kuala Lumpur pada 9 hingga 12 November depan.

Kejohanan ini acara terakhir dalam kalendar Persatuan Ekuestrian Malaysia (EAM) yang diadakan sempena hari kelahiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dianjurkan oleh ARL Marketing.

Piala Perdana mula diadakan pada 1991 dan di bawah kelolaan ARL Marketing ditukar kepada pertandingan bersiri dengan siri pertama diadakan pada 6-12 April lalu.

Pengurus Projek Kejohanan, Jasimah Mohd Zain, berkata selain penyertaan ekuin negara jemputan juga diedarkan kepada 28 kelab gabungan EAM di seluruh Malaysia untuk menyertai kejohanan terbesar ini.

Turut serta penunggang luar negara seperti Thailand, Singapura dan Indonesia untuk menguji keupayaan masing-masing menjelang Sukan Sea di samping menggalakkan serta meningkatkan semangat bertanding di kalangan peserta.

"Selain itu menerusi kejohanan ini semua peserta adalah layak untuk mendapat mata dari FEI/BCM World Ranking memandangkan Piala Perdana Siri 2000 telah secara rasminya diberi status antarabangsa oleh FEI iaitu badan dunia untuk sukan Ekuestrian," katanya.

Katanya, pertandingan selama empat hari itu dibahagikan kepada dua kategori iaitu dressage dan show jumping.

Acara dressage adalah latihan berkuda yang sistematik dan progresif dalam membuat gerakan yang terancang daripada gaya tunggangan yang paling mudah sehinggalah kepada paling sukar di samping menjaga keseimbangan, kelembutan dan kepatuhan.

Show jumping pula membabitkan 10-14 halangan yang mempunyai pelbagai ketinggian daripada 50cm atau 70cm hingga 130cm, dan lompatan melalui air selebar 100cm-120cm.

"Bilangan dan ketinggian dan kelebaran halangan-halangan ini bergantung kepada jenis kelas yang dipertandingkan.

Katanya, lebih kurang 50 kelas akan dipertandingkan pada acara kali ini termasuk preliminary pony hingga advance horse dalam acara dressage.

Dalam acara show jumping pula pertandingan diadakan untuk Gred F hingga Grand Prix (130) bagi penunggang junior (bawah 16 tahun), penunggang remaja (16-21 tahun) dan penunggang senior (21 tahun ke atas).

Antara ekuin Projek Gemilang 2001 yang bakal mempamerkan kehebatan masing-masing termasuk Quzier Ambak, Azni Azar, Eric Koh, Ruzalina Zainal Abidin, Sjn Shaipul Anuar Shahrom dan Syed Omar Syed Abu Bakar.

Bagaimanapun ekuin seperti Husref Malik, Mohd Asharaf Dewal, Tengku Nazroff Tengku Moxsin, James Ravindra dan S Lingesparan terpaksa melupakan hasrat menyertai kejohanan ini kerana mereka kini menjalani latihan untuk acara 3 Days Event di New Zealand bermula 9 Oktober hingga 15 Disember depan.

(END)